

Ashaari hanya akan ditahan jika ancam keselamatan-PM

JITRA 14 Sept. — Kerajaan akan menahan Syeikhul Al-Arqam, Ustaz Ashaari Muhammad, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) jika kegiatannya membahayakan keselamatan negara.

Bagaimanapun, katanya, kajian teliti akan dibuat terlebih dahulu sebelum sesuatu tindakan lanjut dilakukan ekoran pengharaman kerajaan ke atas kegiatan pertubuhan itu di pejabat-pejabat kerajaan.

Menjawab pertanyaan pemberita di satu sidang akhbar selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO bahagian Kubang Pasu di sini pagi ini, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan terpaksa bertindak menyekat penyebaran ajaran agama yang menyeleweng itu dari berleluasa kerana ia akan merugikan rakyat dan menjejaskan pertumbuhan pembangunan negara.

Bagaimanapun, beliau tidak pula menyebut sama ada kerajaan akan mengharamkan terus pertubuhan tersebut ataupun sebaliknya.

Perdana Menteri menegaskan, antara ajaran Al-Arqam yang didapati menyeleweng dan bercanggah dengan akidah Islam ialah kepercayaan ahli-ahlinya kepada ajaran yang terkandung dalam buku *Aurad Muhammadiyah*, tulisan guru mereka, Ustaz Ashaari Muhammad.

Di samping itu juga, mereka percaya bahawa Imam Mahadi sudah menjelma di dalam hutan di Indonesia, ujamya.

LIHAT MUKA 5

DITAHAN JIKA ANCAM KESELAMATAN

"Ini semua karut belaka dan jika kita benarkan rakyat kita didedahkan kepada ajaran semacam ini akan menyebabkan mereka terkeliru dan akidah sebenar mereka akan hilang dan orang-orang ini akan menggunakan pengaruh untuk kepentingan mereka" jelas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata, beliau mendapat tahu bahawa ahli-ahli pertubuhan Al-Arqam turut menghasut mahasiswi-mahasiswi universiti supaya meninggalkan pengajian untuk berkahwin dengan mereka.

"Sementara wanita-wanita asing yang baru meluk agama Islam juga diambil berkahwin kerana ini kononnya dikatakan ia kehendak ajaran agama Islam," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Terdahulu dari itu dalam ucapannya, Perdana Menteri mendedahkan terdapat guru-guru yang menghasut murid-murid supaya bersikap angkuh dengan ibu bapa mereka.

Katanya murid-murid ini diajar supaya jangan menerima lain-lain ajaran atau nasihat selain daripada yang diajarnya kerana ajaran orang lain dianggap ajaran syaitan.

Menurut beliau, guru-guru ini menggunakan jawatan mereka untuk kepentingan politik parti pembangkang dengan mengajar murid-murid supaya membenci kerajaan.

"Guru-guru ini akan cuba menggonggong pemikiran para pelajar supaya menjadi kolot dan hanya akan menyokong parti yang dianuti oleh guru berkenaan," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

"Kalau perbuatan seperti ini dibiarkan merebak kemungkinan tahap kemajuan negara yang cuba dicapai menerusi matlamat Wawasan 2020 tidak akan berhasil," ujamya.

"Kita tahu sekarang di sekolah-sekolah dan universiti para pelajar yang diberi biasiswa pun turut membenci kerajaan kerana terpengaruh dengan dakyah guru-guru yang menghasut untuk kepentingan politik," tambahnya.